

# **UCAPAN BAJET 2010**

**OLEH**

**Y.A.B. DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN  
KETUA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN SABAH  
DI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PADA 13 NOVEMBER 2009 (JUMAAT)**

**“KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURAN YANG BERTERUSAN”**

Bismillahir Rahmannir Rahim,

Tuan Speaker,

01. Saya mohon mencadangkan Bajet Negeri Sabah bagi tahun 2010 untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

## Pendahuluan

Tuan Speaker,

02. Alhamdulillah, puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, saya dapat terus menunaikan amanah serta tanggungjawab dalam membentangkan Bajet Negeri Sabah bagi tahun 2010 di Dewan yang mulia ini.

03. Saya sedar bahawa hasrat untuk memajukan negeri yang tercinta ini dan memacu pembangunan serta meningkatkan taraf hidup rakyat dalam semua bidang, begitu tinggi menggunung. Sebahagian besar penduduk negeri ini khususnya di luar bandar masih lagi memerlukan kemudahan-kemudahan asas ekonomi dan sosial walaupun telah mengecapi kemerdekaan sekian lama. Sebagai kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat, kepentingan dan kesejahteraan rakyat akan tetap menjadi agenda utama dalam setiap dasar dan perancangan pembangunan yang dilaksanakan. Oleh sebab itulah tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) rasanya terlalu singkat berbanding apa yang masih dan hendak kita lakukan. Sepanjang tempoh ini agenda utama kerajaan negeri adalah untuk memastikan pembangunan yang berterusan demi untuk meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat selaras dengan tema Bajet 2010 “**Kesejahteraan Dan Kemakmuran Yang Berterusan**”. Kesenambungan dalam agenda pembangunan amatlah

penting agar segala perancangan dapat dilaksanakan demi untuk kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat pada keseluruhannya.

04. Dengan usaha gigih dan bersungguh-sungguh, pengurusan serta program pembangunan yang terancang selama ini telah banyak memberikan impak ke atas kualiti hidup rakyat di negeri ini. Dalam usaha untuk menjayakan pembangunan yang berterusan, ia juga menuntut keprihatinan dan komitmen kita untuk melaksanakan pembangunan secara seimbang, iaitu dalam memastikan kepesatan pembangunan prasarana fizikal, alam sekitar termasuk flora dan fauna juga hendaklah sentiasa terpelihara; supaya sumber alam seperti sungai, hutan dan kehidupan akuatik akan terus dapat dilindungi demi memastikan keamanan ke atas pembangunan secara holistik.

Tuan Speaker,

05. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia atas pembentangan Bajet Negara pertama beliau untuk tahun 2010 pada 23 Oktober 2009; yang diyakini mampu mencetus transformasi ke arah model ekonomi baru bagi mencapai status Negara berpendapatan tinggi, sekaligus merealisasikan gagasan '1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' yang sudah sehati di jiwa rakyat Malaysia di Sabah. Beliau menyifatkan bahawa

amanah yang diberikan rakyat kepada pemerintah adalah tanggungjawab besar yang harus dipikul demi untuk memastikan bahawa hasil negara dapat dinikmati oleh seluruh rakyat secara adil dan saksama. Bagi menunaikan tanggungjawab yang mulia ini, kerajaan negeri akan terus memastikan bahawa sumber kekayaan negeri sentiasa diurus dengan efisien agar ia berupaya membawa kemajuan dan impak yang positif terhadap kesejahteraan rakyat.

06. Dalam usaha merealisasikan matlamat menjadikan Sabah sebuah negeri maju menjelang tahun 2015, pembangunan modal insan yang berkemahiran tinggi, dilengkapi dengan pengetahuan sains dan teknologi, kompeten, berintegriti adalah satu pra-syarat selaras dengan aspirasi Y.A.B. Perdana Menteri untuk meletakkan inovasi sebagai agenda utama untuk menjamin proses transformasi secara total. Justeru, kualiti pendidikan dan latihan teknikal perlu dipertingkatkan selaras dengan keperluan pasaran tenaga manusia agar ia mampu menjana perubahan dan peningkatan produktiviti terutamanya dalam sistem ekonomi moden yang terbuka.

Tuan Speaker,

07. Peranan sektor swasta amat penting sebagai peneraju dan penggiat dalam membangunkan ekonomi di negeri ini khasnya melalui pelaburan

dan penyediaan modal. Dalam masa yang sama, peranan sektor awam adalah sama penting dalam membawa pembaharuan khususnya dalam penyediaan infrastruktur dan utiliti serta dalam penyampaian perkhidmatan awam, gandingan kedua-dua sektor ini mampu memacu dan mengangkat pembangunan ekonomi negeri ini ke tahap yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan. Kestabilan politik dan keharmonian rakyat serta keadaan keselamatan yang terkawal, banyak membantu dalam memudahkan penyampaian dalam program-program pembangunan dan menyediakan suasana yang lebih kondusif untuk menarik serta menambah minat para pelabur menjadikan Sabah sebagai destinasi pelaburan. Pelaksanaan projek-projek di bawah Koridor Pembangunan Sabah [*Sabah Development Corridor (SDC)*] telah dilancarkan awal tahun 2008 dengan peruntukan sejumlah RM1.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM569.96 juta telah diterima setakat ini dan projek-projek berkenaan sedang rancak dilaksanakan. Di samping itu sektor swasta juga menunjukkan minat dengan pelaburan projek bernilai RM4.04 bilion dalam SDC. Pelaburan-pelaburan baru dijangka bertambah dengan peningkatan keyakinan sektor swasta khususnya dalam sektor pelancongan dan sektor perkhidmatan.

Tuan Speaker,

08. Kerajaan negeri amat berterima kasih di atas dasar pragmatik dan iltizam Kerajaan Persekutuan dalam usaha menangani krisis ekonomi yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Usaha-usaha gigih khasnya melalui beberapa pakej rangsangan ekonomi mula menampakkan kesannya apabila prestasi ekonomi negara bertambah pulih. Saya penuh yakin dengan pengenalan Bidang Keberhasilan Utama Negara [*National Key Result Areas (NKRA)*] yang berasaskan pendekatan “*outcome*” dan penggunaan Penunjuk Utama Prestasi [*Key Performance Indicators (KPI)*] secara komprehensif yang terkandung dalam Bajet Negara 2010 itu, segenap lapisan rakyat akan mendapat pembelaan yang sewajarnya, tidak seorang pun yang akan tertinggal, ( “*no one will be left behind*” ).

### **Strategi Bajet 2010**

Tuan Speaker,

09. Bajet Negeri bagi tahun 2010 akan memastikan pelaksanaan program terus berjalan dengan rancak dan turut mempersiapkan jentera awam negeri ini dalam melaksanakan pakej transformasi dan halatuju strategik Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Kerajaan negeri akan meneruskan Strategi Bajet tahun ini sebagai kesinambungan usaha dalam tempoh RMKe-9 yang berpaksikan kepada Lima Teras Misi

Nasional iaitu; (i) Memberi fokus kepada meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai lebih tinggi; (ii) Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama; (iii) Menangani masalah ketidakseimbangan sosio-ekonomi secara membina, dan produktif; (iv) Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup dan (v) Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan. Oleh yang demikian Strategi Bajet Negeri 2010 adalah digariskan seperti berikut;

- (i) Memperkukuhkan kewangan negeri;
- (ii) Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian sektor awam, memperkukuhkan tadbir urus dan meningkatkan produktiviti;
- (iii) Memantapkan dan memperluaskan pembangunan dan penyediaan infrastruktur dan komunikasi serta kemudahan-kemudahan awam lain ke arah merangsang perkembangan ekonomi dan sosial;
- (iv) Memesatkan pembangunan modal insan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan serta penyertaan dalam ekonomi moden dan meningkatkan daya saing;
- (v) Merancang program pembangunan luar bandar bagi menjamin kualiti dan taraf hidup serta membasmi kemiskinan; dan
- (vi) Mengemaskini program sosial dan sosio-ekonomi untuk membantu golongan kurang bernasib baik.

## Ekonomi Dunia

Tuan Speaker,

10. Pemulihan ekonomi global dari kemelesetan yang dialami pada masa ini adalah didorong oleh dasar awam yang mengukuh di kebanyakan Negara dan dibantu oleh kebimbangan yang semakin berkurangan terhadap kemelesetan global. Ketika ekonomi global merudum, ekonomi-ekonomi yang baru muncul (*new emerging economies*) menunjukkan daya tahan yang tinggi berbanding dengan ekonomi maju. Berikutan penguncupan sebanyak 1.1 peratus dalam tahun 2009, ekonomi global dijangkakan meningkat semula dan berkembang pada kadar 3.1 peratus pada tahun 2010.

11. Secara keseluruhannya, ekonomi-ekonomi maju diunjurkan berkembang sebanyak 1.3 peratus pada tahun 2010 berbanding negatif 3.4 peratus dalam tahun 2009. Ekonomi baru muncul dan membangun diunjurkan akan menunjukkan prestasi yang lebih baik, meningkat dari kadar pertumbuhan 1.7 peratus dalam tahun 2009 kepada 5.1 peratus dalam tahun 2010.

12. Ekonomi Amerika Syarikat dijangka pulih dari negatif 2.7 peratus dan berkembang 1.5 peratus dalam tahun 2010. Ekonomi Euro juga dijangka pulih dari pengecutan 4.2 peratus dalam tahun 2009 dan berkembang 0.3

peratus dalam tahun 2010. Dalam kes Jepun, ekonominya dijangka pulih dari negatif 5.4 peratus dalam tahun 2009 dan mencatatkan pertumbuhan 1.7 peratus dalam tahun 2010. Ekonomi negara China dan India mampu bertahan semasa kemerosotan ekonomi global ini. Dalam kes negara China, pertumbuhan ekonomi diunjurkan pada 9.0 peratus dalam tahun 2010 berbanding 8.5 peratus bagi tahun 2009. Bagi negara India, pertumbuhan ekonomi diunjurkan meningkat daripada 5.4 peratus dalam tahun 2009 kepada 6.4 peratus dalam tahun 2010.

## **Ekonomi Negara**

Tuan Speaker,

13. Pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 2 hingga 3 peratus tahun hadapan, adalah didorong oleh perkembangan positif dalam semua sektor utama misalnya perkhidmatan, pertanian dan pembinaan. Sektor perkhidmatan kekal menjadi penggerak utama berkembang pada kadar 3.6 peratus. Di samping itu, pertumbuhan ekonomi juga didorong oleh peningkatan dalam pelaburan swasta yang kembali pulih berkembang sebanyak 3.4 peratus dan penggunaan swasta sebanyak 2.9 peratus serta pertambahan dalam eksport sebanyak 3.5 peratus dianggar turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kadar inflasi kekal rendah diantara 1.5 peratus hingga 2.5 peratus. Kadar pengangguran rendah di bawah 4 peratus.

## **Ekonomi Sabah**

Tuan Speaker,

14. Kita bersyukur ke hadrat Ilahi kerana bumi Sabah yang amat bertuah ini tidak mengalami kesan negatif seteruk yang dirasai oleh negara lain semasa berhadapan dengan krisis kewangan dunia mahupun bencana alam yang serius. Oleh itu, kita tidak seharusnya mensia-siakan kurniaan ini malah harus terus berusaha dengan penuh kesungguhan menjaga dan memelihara sumber-sumber asli serta persekitaran kita seperti yang sentiasa dilakukan selama ini. Sebaliknya negeri Sabah menikmati kesan yang positif daripada kenaikan harga kelapa sawit dan petroleum mentah. Imbangan dagangan negeri meningkat sebanyak 133 peratus dengan lebihan dagangan yang tinggi iaitu sebanyak RM18.1 bilion dicatatkan dalam tahun 2008. Jumlah pelancong asing yang tiba ke negeri ini walaupun merosot sedikit iaitu sebanyak 7.2 peratus dalam tahun 2008 tetapi ianya diimbangi dengan pelancong domestik yang mewakili 70 peratus daripada pelancong yang masuk ke negeri ini yang menunjukkan peningkatan sebanyak 7.3 peratus.

15. Kadar pengangguran di Sabah telah berkurang kepada 4.9 peratus dalam tahun 2008 berbanding 5.5 peratus pada tahun 2007. Kenaikan kadar inflasi kepada 6 peratus dalam tahun 2008 adalah disebabkan oleh peningkatan kos akibat kenaikan harga minyak. Walaubagaimanapun ia

telah menurun kepada 4.2 peratus pada separuh pertama tahun ini memandangkan kos bahan api, kos komunikasi, pengangkutan dan pakaian telah menurun.

Tuan Speaker,

16. Melalui dua Pakej Rangsangan, kerajaan negeri telah diperuntukkan sejumlah RM866.8 juta. Di samping peruntukkan di bawah RMKe-9, kerajaan negeri juga diberikan peruntukan tambahan sejumlah RM1 bilion untuk pembangunan di Sabah khususnya di luar bandar. Kebanyakan projek di bawah peruntukan tersebut adalah dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan akan diteruskan dalam tahun 2010. Semua perkembangan ini akan terus merangsang ekonomi negeri menjadikannya lebih stabil dan berupaya mengukuhkan landasan sebagai persiapan ke arah lonjakan pembangunan dalam RMKe-10.

17. Pelaburan swasta terus stabil dengan pertumbuhan jumlah pinjaman sebanyak 4.2 peratus atau RM27.60 bilion setakat 30 September 2009 berbanding RM26.50 bilion setakat 31 Disember 2008. Pelaburan swasta yang bertumpu dalam bidang pembinaan, hartanah, kewangan, insuran dan sektor *agro-base* akan terus berkembang sehingga tahun 2010. Aktiviti pembinaan khasnya akan meningkat dengan ketara memandangkan pelaksanaan projek-projek kerajaan akan disegerakan sebelum tahun 2010 berakhir.

18. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam sektor pembuatan berkembang secara sederhana di mana nilai pelaburan adalah RM704.93 juta untuk tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini. Pada tahun 2007 jumlah pelaburan adalah sebanyak RM3.60 bilion dan RM1.09 bilion pada tahun 2008. Bidang pembuatan dan perkhidmatan di negeri ini akan terus dibangunkan dan dikembangkan. Untuk tahun hadapan, sektor ini dijangka akan meningkat dengan pelaksanaan *Sabah Oil and Gas Terminal (SOGT)* dan juga pembangunan *Palm Oil Industrial Cluster (POIC)*. Lebih banyak usaha diperlukan untuk memperkukuhkan sektor perkhidmatan yang meliputi bidang sub-sektor yang luas termasuklah sektor kewangan, pengangkutan, pembangunan ICT dan multimedia, pelancongan, penyelidikan, pendidikan dan sebagainya.

Tuan Speaker,

19. Sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam beberapa tahun ini adalah di sekitar 29 peratus. Sabah masih merupakan negeri pengeluar kelapa sawit yang terbesar di Malaysia yang menyumbang sebanyak 32 peratus daripada jumlah keluaran minyak kelapa sawit negara dan 15 peratus keluaran minyak kelapa sawit dunia pada tahun 2008. Untuk industri ini terus berkembang maju maka adalah penting untuk sektor ini meningkatkan produktiviti pengeluaran dan proses nilai tambah yang tinggi. Pembangunan sektor pertanian yang masih

mempunyai banyak ruang untuk dipertingkatkan, akan terus diberi penekanan dan galakan melalui penanaman hasil bukan hutan yang bernilai tinggi untuk dieksport seperti sayur-sayuran dan buah-buahan termasuk keluaran daging dan hasil tenusu serta produk sumber marin. Di bawah SDC, dua buah pusat industri penternakan bersepadu akan dibuka di Keningau dan Nabawan bermula tahun hadapan. Pusat ini dijangka akan membawa impak positif kepada perkembangan industri ternakan di negeri ini.

Tuan Speaker,

20. Kita amat bersyukur dan bertuah kerana dianugerahi dengan kekayaan hutan hujan tropika (*tropical rainforest*) dan sumber marin. Oleh itu, Sabah mempunyai potensi yang besar dalam penerokaan sektor bioteknologi dan juga membolehkan kajian '*bio-sphere ecological*' dijalankan. Wujudnya kekayaan sumber minyak juga membolehkan Sabah menerokai industri '*petrochemical*'. Dengan prospek ekonomi dunia yang cerah di samping keperluan menyegerakan penyiapan projek-projek pembangunan di bawah RMKe-9 pada tahun hadapan, ekonomi Sabah adalah dijangka berkembang pada 4.0 peratus hingga 4.5 peratus berbanding jangkaan pertumbuhan sebanyak 3.6 peratus tahun ini.

## Anggaran Hasil Negeri

Tuan Speaker,

21. Hasil disemak bagi tahun ini dijangka sebanyak RM2,707.82 juta, menunjukkan RM137.39 juta atau 5.35 peratus melebihi sasaran asal iaitu RM2,570.43 juta. Anggaran Hasil Negeri Sabah pada tahun 2010 berjumlah RM3,127.65 juta. Pecahan Anggaran Hasil bagi tahun 2010 mengikut tiga kategori utama ialah: Hasil Cukai sebanyak RM962.48 juta atau 30.77 peratus, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM1,346.35 juta atau 43.05 peratus dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM818.82 juta atau 26.18 peratus termasuklah sejumlah RM544.00 juta daripada penerbitan bon mengikut perancangan kewangan negeri.

22. Kerajaan Negeri yakin bahawa sasaran kutipan hasil melebihi RM2.0 bilion pada tahun hadapan akan dapat dicapai untuk menepati salah satu objektif kualiti MS ISO 9001:2008 Kementerian Kewangan. Dalam pada itu, kita juga harus menerima hakikat bahawa perhutanan tidak lagi menjadi penyumbang utama seperti pada tahun-tahun lalu. Buat kali pertama sejak tahun 1972, hasil perhutanan dianggarkan kurang daripada RM100.00 juta pada tahun 2010. Kita bukan sahaja bersedia mengorbankan kutipan hasil perhutanan pada masa ini malah sanggup menyediakan peruntukan untuk program-program pengurusan hutan secara mapan demi untuk memastikan sumber hutan berkekalan dan dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Tuan Speaker,

23. Cukai Jualan di bawah kategori Hasil Cukai kekal sebagai sumber hasil utama negeri Sabah. Pada tahun hadapan, kutipan melalui Cukai Jualan dianggarkan sejumlah RM910.00 juta atau 29.10 peratus daripada jumlah keseluruhan Hasil Negeri Sabah. Anggaran disemak bagi tahun ini sebanyak RM798.75 juta, menurun 7.01 peratus berbanding anggaran asal iaitu RM859.00 juta disebabkan oleh penyemakan semula anggaran asal salah satu komponen besar iaitu Cukai Jualan Minyak Sawit Mentah daripada RM780.00 juta kepada RM708.75 juta. Kutipan melalui Cukai Jualan Minyak Sawit Mentah dianggarkan berjumlah RM820.00 juta pada tahun hadapan. Penyumbang-penyumbang utama lain dalam kategori Hasil Cukai termasuklah Cukai Jualan ke atas aktiviti-aktiviti perjudian tertentu dan Sewa Tanah dengan masing-masing dianggarkan berjumlah RM90.00 juta dan RM50.00 juta pada tahun hadapan.

24. Royalti, tunggak utama bagi kategori Hasil Bukan Cukai, dijangka menjadi penyumbang kedua tertinggi selepas Cukai Jualan dengan anggaran sebanyak RM724.56 juta pada tahun 2010. Jumlah ini, adalah berkurangan sebanyak 26.02 peratus berbanding anggaran disemak bagi tahun ini iaitu berjumlah RM979.39 juta. Dengan harga minyak yang masih tidak menentu, PETRONAS menganggarkan hanya RM647.20 juta dibayar sebagai Royalti Petroleum kepada Negeri Sabah pada tahun hadapan. Jumlah ini adalah 12.78 peratus kurang daripada anggaran disemak pada tahun ini iaitu RM742.00 juta. Jumlah sebenar pengiraan

dan pembayaran Royalti Petroleum adalah bergantung kepada tiga elemen penting, iaitu jumlah pengeluaran, harga minyak mentah dan kadar tukaran wang asing yang semuanya adalah di luar kawalan Kerajaan Negeri. Namun, apa yang lebih signifikan mengenai kategori ini ialah kemerosotan daripada Royalti dan Bayaran Keluaran Hutan dengan hanya RM65.79 juta dijangka dapat dikutip pada tahun hadapan. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 71.27 peratus berbanding dengan anggaran disemak yang berjumlah RM229.00 juta bagi tahun ini.

Tuan Speaker,

25. Bayaran Premium, satu lagi penyumbang penting dalam kategori Hasil Bukan Cukai, dijangka dapat membawa hasil sebanyak RM136.46 juta pada tahun hadapan, pertambahan sebanyak 26.15 peratus berbanding dengan anggaran disemak pada tahun ini berjumlah RM108.17 juta. Jumlah besar adalah melalui Premium dari Jualan Tanah dengan anggaran RM135.00 juta pada tahun hadapan, 68.75 peratus melebihi anggaran disemak berjumlah RM80.00 juta pada tahun ini. Premium Kayu Balak dianggarkan dapat menyumbang RM1.46 juta sahaja pada tahun 2010.

26. Perolehan Dari Jualan Barang-barang dijangka dapat menjana pendapatan lebih kurang RM147.06 juta pada tahun hadapan, sedikit pertambahan berbanding dengan anggaran disemak sebanyak RM141.95 juta bagi tahun ini. Penyumbang-penyumbang utama dalam komponen ini ialah Jualan Air RM112.50 juta; Sarang Burung RM18.93 juta dan Jualan Susu Segar RM8.5 juta.

Tuan Speaker,

27. Faedah dan Perolehan dari Pelaburan dianggarkan dapat memberi pulangan sebanyak RM153.09 juta pada tahun hadapan. Sementara itu, anggaran disemak pada tahun ini berjumlah RM259.09 juta dengan amaun daripadanya sebanyak RM159.00 juta merupakan terimaan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai rebat cukai yang diberi ke atas hasil Dividen. Kerajaan Negeri mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atas pembayaran yang segera dan berharap ia akan terus memberi kerjasama sepenuhnya dalam urusan tuntutan pada masa hadapan. Bagi tahun 2010, dividen dijangka dapat menyumbang hanya RM80.00 juta manakala Faedah atas Baki Wang Tunai dan Simpanan Jangka Pendek dianggarkan berjumlah RM65.00 juta pada tahun hadapan.

28. Hasil daripada Sewaan, dianggarkan menyumbang sejumlah RM14.32 juta pada tahun hadapan. RM13.29 juta daripada jumlah ini

adalah daripada sewa bangunan kepunyaan Kerajaan Negeri seperti Wisma Sime Darby dan Wisma Tun Fuad.

29. Bagi kategori Terimaan Bukan Hasil, sebanyak RM818.82 juta dianggarkan pada tahun hadapan, jumlah yang agak tinggi berbanding anggaran disemak tahun ini yang berjumlah RM274.89 juta. Ini adalah kerana perolehan daripada penerbitan bon berjumlah RM544.00 juta yang dinyatakan awal tadi dimasukkan dalam kategori ini. Sumber lain di bawah kategori ini adalah Pemberian dan Sumbangan Kerajaan Persekutuan dengan jumlah anggaran RM274.67 juta termasuk Pemberian Untuk Menggantikan Duti Import dan Eksais ke atas Petroleum RM120.00 juta, Pemberian Senarai Bersama RM50.60 juta, Pemberian Mengikut Kiraan Kepala RM42.95 juta, Pemberian Khas RM26.70 juta, Sumbangan kepada Kos Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan RM26.00 juta, Pemberian bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Lembaga Muzium RM4.35 juta dan Pemberian Pertambahan Hasil (Bahagian Pertama) RM4.00 juta.

Tuan Speaker,

30. Pemberian dan Sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada hasil negeri adalah lebih kurang 10 peratus secara purata dalam lima tahun kebelakangan ini. Sumbangan kewangan persekutuan selama ini banyak membantu namun atas tanggungjawab besar yang digalas oleh kerajaan

negeri sumbangan kewangan yang lebih besar adalah diharapkan untuk merealisasikan pembangunan yang selama ini menjadi dambaan rakyat negeri ini.

## **Anggaran Perbekalan Dan Pembangunan Tahun 2010**

### **Anggaran Perbekalan**

Tuan Speaker,

31. Dengan huraian Hasil dan Strategi Bajet itu tadi, saya mencadangkan sejumlah RM3,304.38 juta wang negeri bagi Perbelanjaan Perbekalan tahun 2010. Jumlah ini merupakan peningkatan sejumlah RM525.56 juta atau 18.91 peratus berbanding dengan RM2,778.82 juta anggaran bagi tahun 2009. Dengan pembentangan Bajet sejumlah ini, ia jelas membuktikan keprihatinan, keikhlasan dan komitmen berterusan Kerajaan Barisan Nasional benar-benar dan serius dalam memacu pembangunan dan kemajuan kepada negeri serta rakyat jelata.

32. Anggaran Perbekalan 2010 merangkumi tiga komponen utama iaitu Emolumen sejumlah RM583.48 juta, Perbelanjaan Berulang sejumlah RM949.57 juta dan Perbelanjaan Khas sejumlah RM1,771.33 juta. Perbelanjaan Emolumen meningkat sebanyak RM2.42 juta atau 0.42 peratus berbanding dengan anggaran sejumlah RM581.06 juta dalam

tahun 2009. Perbelanjaan Berulang meningkat sejumlah RM66.26 juta atau 7.50 peratus berbanding dengan anggaran sejumlah RM883.31 juta dalam tahun 2009. Manakala, Perbelanjaan Khas meningkat sejumlah RM456.88 juta atau 34.76 peratus berbanding dengan anggaran sejumlah RM1,314.45 juta bagi tahun 2009.

Tuan Speaker,

33. Agihan peruntukan perbekalan yang dicadangkan mengikut Kementerian adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Tajuk Perbelanjaan</b>	<b>RM (Juta)</b>
1	Kementerian Kewangan	1,402.79
2	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	621.44
3	Jabatan Ketua Menteri	423.56
4	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	263.29
5	Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna	119.27
6	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar	102.63
7	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan	87.15
8	Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat	70.64
9	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	59.57
10	Kementerian Belia Dan Sukan	40.82
11	Kementerian Pembangunan Perindustrian	10.59
12	Perbelanjaan Tidak Termasuk Kementerian	20.85
13	Perbelanjaan Tanggungan	81.78
	<b>Jumlah</b>	<b>3,304.38</b>

## **Anggaran Pembangunan**

Tuan Speaker,

### **Peruntukan Negeri**

34. Perbelanjaan wang negeri bagi Pembangunan tahun 2010 adalah dianggarkan sejumlah RM1,109.83 juta iaitu penambahan sejumlah RM69.35 juta atau 6.67 peratus berbanding anggaran tahun 2009 yang berjumlah RM1,040.48 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM541.55 juta adalah untuk projek sambungan, manakala RM568.28 juta adalah bagi projek baru.

35. Bagi pengagihan mengikut sektor pula, sejumlah RM765.56 juta atau 68.98 peratus adalah bagi pelaksanaan program dan projek pembangunan di bawah sektor ekonomi. Ini diikuti oleh sektor sosial yang diperuntukkan sejumlah RM264.78 juta atau 23.86 peratus, manakala selebihnya sejumlah RM79.49 juta atau 7.16 peratus adalah untuk sektor pentadbiran am.

36. Pengagihan peruntukan Pembangunan tahun 2010 seterusnya adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Kementerian</b>	<b>RM (Juta)</b>
1	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	386.23
2	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	236.02
3	Jabatan Ketua Menteri	167.24
4	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	86.22
5	Kementerian Kewangan	75.00
6	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	63.92
7	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	9.47
8	Kementerian Pembangunan Perindustrian	43.03
9	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	17.84
10	Kementerian Belia dan Sukan	23.83
11	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	1.03
	<b>Jumlah</b>	<b>1,109.83</b>

## **Peruntukan Persekutuan**

Tuan Speaker,

37. Pada tahun 2010, kerajaan negeri dijangka mendapat peruntukan Persekutuan berjumlah RM1,158.98 juta dengan sejumlah RM117.80 juta adalah untuk membiayai sektor pertanian dan perhutanan, RM73.00 juta untuk perindustrian manakala sejumlah RM968.18 juta adalah untuk infrastruktur dan pengangkutan. Peruntukan daripada persekutuan ini adalah dalam bentuk pinjaman, imbuhan balik dan pemberian langsung. Dengan yang demikian jumlah peruntukan pembangunan pada keseluruhannya untuk tahun 2010 adalah berjumlah RM2,268.81 juta. Saya percaya dengan peruntukan sebesar ini, kita tidak lagi mempunyai

alasan selain bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menghasilkan pencapaian berasaskan Penunjuk Utama Prestasi (KPI).

## **Memperkukuhkan Pengurusan Kewangan Dan Sistem Penyampaian**

Tuan Speaker,

38. Kerajaan negeri sentiasa mengamalkan perbelanjaan berhemah dan berhemat untuk memastikan perbelanjaan dilakukan bukan sahaja dapat membawa manfaat tetapi juga dibuat berasaskan “*value for money*”. Kerajaan negeri akan turut memperkemaskan struktur pengagihan peruntukan dan perbelanjaan supaya diurus dengan lebih cekap dan berkesan seperti yang digariskan dalam Bajet Persekutuan 2010, yang berasaskan ‘*Outcome-Based Budgeting System (OBBS)*’. Pada hemat saya, pendekatan ini akan memastikan kejayaan sesuatu program pembangunan berimpak besar yang dirancang dan pada masa yang sama mengawal pembaziran. Peralihan daripada ‘*Modified Budgeting System (MBS)*’ yang diamalkan sekarang ke arah OBBS akan dipermudahkan dengan wujudnya sistem kewangan elektronik seperti E-bajet, E-hasil dan E-pembayaran di atas inisiatif Kementerian Kewangan Negeri.

39. Semua kementerian dan jabatan digalakkan untuk sentiasa mengamalkan budaya pengurusan kewangan yang cemerlang dengan akauntabiliti yang tinggi. Tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal telah pun dinyatakan dalam surat perlantikan mereka sebagai Pegawai Pengawal yang seharusnya dipatuhi. Jabatan Bendahari Negeri Sabah, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah telahpun diiktiraf dan dianugerah dengan taraf yang tertinggi empat bintang di bawah Indeks Akauntabiliti Audit Negara untuk tahun kewangan 2008 dan usaha ini hendaklah dicontohi.

Tuan Speaker,

40. Di sini, saya ingin melahirkan rasa bangga atas pengiktirafan Kualiti Pengurusan Bajet Negeri melalui Persijilan MS ISO 9001: 2008 yang dianugerahkan oleh Moody International Certification Sdn. Bhd. Ini dapat melicinkan serta meyakinkan orang awam terhadap pengurusan Bajet negeri. Rating Agency Malaysia Services Bhd (RAM) mengiktiraf secara umum kedudukan kewangan negeri yang sihat, keupayaan '*fiscal adjustment*' yang kukuh, hubungan yang akrab dengan Kerajaan Persekutuan dan kekayaan sumber negeri ini dengan menarafkan 'AAA' ke atas penerbitan bon kerajaan negeri. Ini seharusnya menjadi pendorong kepada kita untuk berusaha dengan lebih gigih. Eksesais penerbitan bon ini adalah yang pertama kali pernah dilakukan oleh sebuah kerajaan negeri. Ia juga menampilkan profail kredit (*credit profile*) negeri Sabah ke

dunia pelaburan dan membuka peluang untuk mendapatkan sumber pembiayaan kos rendah di pasaran kewangan.

41. Tujuan penerbitan bon ini adalah untuk membiayai projek-projek komersial berpotensi dan berdaya saing (*viable*) menerusi kos pembiayaan yang rendah, di samping menjana hasil negeri pada masa hadapan. Ini juga akan menambah keupayaan kewangan negeri ke atas usaha membiayai projek pembangunan asas dan sosio ekonomi dengan lebih efektif tanpa bersaing dengan sumber yang sama. Pendekatan yang diambil ini dapat memperluaskan '*revenue-base*' negeri yang menuntut disiplin baru dalam pengurusan kewangan. Ia juga sejajar dengan usaha melakukan transformasi dan lonjakan ekonomi bersama-sama dengan sektor swasta sebagai rakan kongsi.

## **Meningkatkan Infrastruktur Dan Kemudahan Asas**

Tuan Speaker,

42. Dalam menunaikan komitmen kerajaan untuk memperkasakan peranan sektor awam dan swasta di samping menyokong ke arah perkembangan sosio ekonomi, sejumlah RM1,043.81 juta diperuntukkan tahun depan. Ini dicapai dengan memantapkan dan meningkatkan lagi pembangunan infrastruktur dan memperluaskan rangkaian komunikasi di

antara bandar dan luar bandar. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sejumlah 30.42 peratus berbanding dengan Bajet 2009 yang berjumlah RM798.79 juta. RM566.50 juta untuk bekalan air, pembedungan termasuk sumbangan modal bekalan elektrik. Daripada jumlah ini, RM50.00 juta adalah untuk program mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil (NRW) di Lahad Datu dan Tawau. Sejumlah RM477.31 juta lagi adalah untuk penyelenggaraan dan menaiktaraf jalanraya, jambatan, perkhidmatan keretapi, pelabuhan dan dermaga dengan RM32.48 juta adalah untuk pembiayaan jalanraya ke kawasan industri misalnya Jalan Ulu Sibuga dan Jalan KKIP, manakala RM30.77 juta lagi adalah untuk jalan masuk ke sekolah-sekolah. Pembinaan baru dan penyelenggaraan bangunan-bangunan kerajaan adalah mustahak untuk meningkatkan produktiviti melalui suasana rangkaian kerja yang kondusif di samping keselesaan dan keceriaan di persekitaran pejabat. Untuk tujuan ini, peruntukan sejumlah RM112.00 juta disediakan yang merangkumi Bangunan Pusat Pentadbiran Negeri Sabah (BPPN) yang menempatkan Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Kewangan beserta agensi masing-masing. Manakala sejumlah RM29.83 juta lagi disediakan merangkumi penyelenggaraan Wisma Tun Fuad yang akan dilengkapi dengan kemudahan asas mesra OKU, pembaikan kuarters kakitangan kerajaan dan lain-lain bangunan Kerajaan yang perlu pembaikan.

## **Pembangunan Modal Insan Dan ICT**

Tuan Speaker,

43. Bajet 2010 akan terus memperuntukkan sejumlah RM248.42 juta untuk pembangunan modal insan yang merupakan asas penting ke arah melahirkan generasi yang berpengetahuan, berdaya saing dan berinovatif. Sejumlah RM36.37 juta daripada peruntukan ini digunakan untuk membiayai pelbagai program latihan kemahiran dan kerohanian, penyertaan dalam persidangan dan kursus yang relevan untuk mempersiapkan anggota perkhidmatan awam negeri mahupun golongan belia lepasan sekolah menghadapi cabaran sejajar dengan keperluan pembaharuan ekoran daripada Rancangan Pakej Transformasi Nasional.

44. Sebagai pembiayaan bersama dengan persekutuan, sejumlah RM50.00 juta adalah diperuntukkan untuk pembangunan tapak seluas 1,336 ekar bagi penyediaan infrastruktur moden di *Sandakan Education Hub* untuk menempatkan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang berupaya menampung lebih daripada 20 ribu orang pelajar yang kini sedang rancak dibangunkan. Sejumlah RM30.00 juta disediakan untuk pemberian biasiswa kepada pelajar menengah atas (*tertiary*) yang layak dan cemerlang dalam bidang akademik agar dapat melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pengajian tinggi. Budaya menuntut ilmu dalam kalangan kanak-kanak di usia muda hendaklah dipupuk dan disemai dari awal bak kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Oleh yang demikian, sejumlah RM22.19 juta diperuntukkan untuk memperkasakan Jabatan Perpustakaan Negeri dan semua cawangannya

sebagai pusat ilmu dan saluran informasi. Seterusnya, peruntukan sejumlah RM79.54 juta adalah disediakan untuk penyediaan kemudahan-kemudahan keagamaan termasuk penyenggaraan, agar kegiatan-kegiatan dan program-program pembangunan rohani secara keseluruhannya dapat dijalankan dalam keadaan selesa.

Tuan Speaker,

45. Usaha untuk menyediakan tenaga kerja mahir dalam kalangan belia akan diteruskan dengan sejumlah RM25.95 juta akan diperuntukan untuk program pembangunan kemahiran seperti kemahiran keusahawanan dalam industri kejuruteraan dan mekanikal; kemahiran dalam industri perkhidmatan seperti masakan, jahitan, kecantikan dan lanskap; latihan sambil bekerja dalam industri perhotelan dan perladangan. Di bawah Jabatan Pembangunan Sumber Manusia sahaja, seramai 4,075 orang pelatih akan mendapat manfaat melalui program yang dikelolakan oleh mereka pada tahun hadapan. Belia dan beliawanis yang berminat dalam bahasa juga akan disediakan dengan kemahiran bahasa sesuai dengan keperluan pasaran melalui pelbagai kursus bahasa seperti Inggeris, Jepun dan Korea.

46. Latihan serta kursus dalam bidang ICT adalah fundamental dalam era digital dan penguasaan ilmu dalam bidang ini menjadi keperluan mutlak dalam segenap urusan berunsurkan elektronik. Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM53.97 juta untuk menyokong dan melaksanakan program-program pembangunan modal insan yang berteraskan ICT. Ini akan menghasilkan pembangunan industri ICT yang resilien supaya dapat menyokong transformasi ekonomi yang berasaskan pengetahuan (K- Ekonomi). Di antara program dan aktiviti yang dibiayai ialah penyelidikan dan pembangunan ICT, Portal E-Konstituensi, Portal Masyarakat Elektronik (E-Mas), pembangunan inkubator dan pembangunan teknoprenur. Untuk tidak mengabaikan masyarakat luar bandar dalam kemajuan ICT, pembinaan E-Desa dan Portal E-Desa akan diteruskan bagi merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar.

### **Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Luar Bandar**

Tuan Speaker,

47. Belunggu kemiskinan yang masih wujud di kalangan masyarakat khususnya di luar bandar amat menyentuh sanubari semua pihak. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, agenda pembasmian kemiskinan melalui program-program kerajaan dan program '*Corporate Social Responsibility (CSR)*' oleh agensi-agensi kerajaan akan terus ditingkatkan. Sejumlah

RM137.02 juta diperuntukan pada tahun hadapan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar termasuklah program-program bagi mencapai sasaran mensifarkan kemiskinan tegar dalam tahun hadapan yang melibatkan Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) seramai 16,892 orang. Pelaksanaan program pembasmian kemiskinan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar seperti MESEJ, program peningkatan pendapatan dan kualiti hidup akan terus dijadikan fokus dan agenda utama kerajaan. Selain itu projek-projek yang sering dijalankan dalam projek pembasmian kemiskinan adalah seperti pengkulturan rumpai laut, penternakan ikan dalam sangkar, penternakan tiram dan itik, penanaman cendawan, halia serta cili padi. Tumpuan akan terus diberikan kepada daerah-daerah yang tinggi insiden kemiskinan seperti Pitas, Nabawan, Beluran dan lain-lain daerah. Sejumlah RM36.00 juta daripada peruntukan yang disebutkan tadi, adalah dikhususkan bagi maksud membiayai pelaksanaan projek-projek kecil dan bekalan berdasarkan pendekatan *'people-centric'* yang meliputi setiap kawasan di bawah penyeliaan pejabat daerah bersama wakil rakyat berkenaan. Justeru, untuk memastikan program khas luar bandar ini dimanfaatkan secara lebih meluas kerajaan telah bersetuju menambah peruntukan bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri sebanyak RM100 ribu lagi menjadikan jumlahnya sebanyak RM600 ribu. Selain daripada ini, program bantuan kepada orang susah yang berjumlah RM50.00 ribu bagi setiap kawasan ADUN akan juga diberikan. Untuk menyediakan premis perniagaan di luar bandar seperti pada tahun sebelumnya, peruntukan sejumlah RM9.56 juta disediakan untuk pembinaan rumah-rumah kedai meliputi kawasan seperti

di Bingkor, Nabawan, Matupang, Sook, Balung, Bum Bum, Paitan, Telupid dan Beluran.

## **Program Sosial, Kebajikan Am Dan Peranan Wanita**

Tuan Speaker,

48. Program-program sosial dan kebajikan yang merupakan komitmen utama kerajaan sentiasa diberikan perhatian. Peruntukan yang disediakan bukanlah menjadi ukuran sebaliknya ia diberikan mengikut keperluan hakiki. Peruntukan sejumlah RM96.52 juta adalah disediakan pada tahun hadapan. RM69.17 juta daripada peruntukan tersebut akan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah untuk meningkatkan kualiti hidup dan taraf ekonomi golongan yang kurang bernasib baik, orang kurang upaya (OKU), anak yatim dan mereka yang ditimpa musibah. RM17.57 juta lagi diperuntukkan di bawah Program Pembangunan Sosial untuk mewujudkan beberapa buah pusat perkembangan kanak-kanak; bantuan bekalan susu segar serta peralatan sekolah; program pembangunan keluarga dan ibu tunggal bagi memastikan kebajikan mereka sentiasa terpelihara dan memupuk keharmonian keluarga yang menjadi tuntutan budaya prihatin dan penyayang. Kesemua program sosial ini adalah merupakan pakej bantuan komprehensif yang disediakan oleh kerajaan yang prihatin dan sentiasa mesra rakyat.

49. Antara bukti komitmen Kerajaan Negeri untuk memartabatkan kaum wanita telahpun diterjemahkan menerusi Bangunan Wisma Wanita yang baru disiapkan dan tersergam indah dengan penyelenggaraan serta pengurusan tahunannya akan ditanggung oleh kerajaan. Selain daripada itu, sejumlah RM1.14 juta diperuntukkan khas di bawah Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) dan Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) untuk program-program pembangunan wanita dengan kerjasama NGOs. Antara program yang dilaksanakan termasuklah program kepimpinan untuk melahirkan kumpulan wanita yang mendokong ketokohan di bawah program bersiri “*women of substance*” bagi meningkatkan kewibawaan dalam membuat keputusan dan perjuangan bagi kesaksamaan gender. Untuk memantapkan lagi jentera perhubungan dan perkhidmatan yang diperlukan, maka ‘*One Stop Centre*’ yang bertempat di Wisma Wanita akan diwujudkan untuk memberikan bantuan khidmat nasihat dan bimbingan yang diperlukan kepada kumpulan sasar.

## **Memperkasakan Pengurusan Hutan**

Tuan Speaker,

50. Kerajaan Negeri akan berusaha dengan penuh kesungguhan untuk mencapai matlamat ‘*Sustainable Forest Management (SFM)*’ terhadap kesemua hutan simpan berdasarkan model Hutan Simpan Deramakot yang telah pun mendapat pengiktirafan dunia sekaligus menepati ‘*Malaysia*

*Criteria And Indicators (MC&I)*' dan *'Forest Stewardship Council (FSC)*'. Dalam tempoh 12 bulan ini, dua lagi projek SFM yang dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan akan dipersijilkan meliputi kawasan seluas 291 ribu hektar di Ulu Segama-Malua dan Tangkulap-Pinangah. Pengurusan hutan seumpama ini merangkumi usaha gigih terhadap perlindungan hutan daripada pencerobohan dan fenomena bencana alam semulajadi. Ia juga memastikan penggunaan sumber hutan secara efisien demi untuk mencapai faedah ekonomi, sosial dan persekitaran secara optimum. Kita harus berbangga dan mengucapkan syabas ke atas beberapa inisiatif dan pencapaian Jabatan Perhutanan Sabah. Oleh yang demikian, sejumlah RM83.14 juta adalah diperuntukkan kepada Jabatan Perhutanan bagi tahun 2010 untuk program-program pengurusan hutan secara mapan.

## **Memperkukuhkan Sektor Pertanian**

Tuan Speaker,

51. Sektor Pertanian yang selama ini menjadi tunggak kepada pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial negeri adalah penerima peruntukan pembangunan kedua terbesar. Dengan sumbangan yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi Sabah, maka Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM524.25 juta atau 15.87 peratus daripada Bajet 2010 untuk memantapkan lagi perbelanjaan operasi dan pembangunan sektor pertanian termasuklah perikanan, haiwan dan pengairan. Sejajar dengan Dasar Pertanian Kedua Sabah lebih banyak program akan ditekankan dalam usaha meluaskan bidang penyelidikan

dan pembangunan (R&D), penghasilan produk-produk baru dengan nilai tambah yang tinggi serta pembangunan pemasaran yang efisien. Oleh yang demikian, selain daripada jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, turut menjayakan strategi ini ialah Korporasi Pembangunan Desa, KO-Nelayan dan Lembaga Industri Getah Sabah yang melibatkan peruntukan sejumlah RM42.73 juta. Di samping itu, sebagai tanda keprihatinan, kerajaan akan terus menyumbang peruntukan sejumlah RM30.00 juta kepada tabung khas pekebun-pekebun kecil kelapa sawit, seperti yang dilakukan pada tahun ini apabila mereka mengalami kesulitan dalam industri ini.

### **Merencanakan Sektor Pelancongan**

Tuan Speaker,

52. Sektor pelancongan mengalami pertumbuhan luar biasa (*phenomenal growth*) dengan ketibaan pelancong ke negeri ini telah meningkat sebanyak 30 peratus sejak lima tahun kebelakangan ini. Pencapaian positif ini adalah hasil daripada promosi yang agresif dan meluas oleh kerajaan negeri. Dalam konteks ini, kita tidak boleh berserah kepada kekuatan daya tarikan eko-pelancongan semata-mata tetapi kita harus berusaha menghasilkan produk-produk pelancongan yang baru dan berdaya saing. Hasil kajian industri pelancongan di setiap daerah hendaklah direalisasikan, termasuk menerokai potensi bidang yang mempunyai nilai tambah tinggi, untuk melahirkan perniagaan-perniagaan

baru dalam industri ini. Agro-pelancongan dan pelancongan marin adalah antara bidang yang berpotensi untuk terus berkembang.

Tuan Speaker,

53. Pada tahun 2009, Sabah mensasarkan ketibaan 2.23 juta pelancong. Setakat bulan September tahun ini, Sabah merekodkan ketibaan pelancong seramai 1.57 juta orang berbanding 1.55 juta orang yang dicatat pada tempoh yang sama tahun lepas. Dengan siap sepenuhnya terminal dan kemudahan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai pintu masuk utama pelancong ke negeri ini yang boleh menampung seramai 3,200 orang penumpang sejam di waktu kemuncak (*peak-hour*), sasaran ketibaan pelancong ke Sabah seramai 2.26 juta orang boleh dicapai dan berupaya menjana pendapatan berjumlah RM3.97 bilion tahun hadapan. Dengan itu, usaha untuk mempromosikan industri pelancongan yang mempunyai kaitan rapat dengan program kebudayaan dan konservasi alam sekitar, Lembaga Pelancongan Sabah diberikan sebanyak RM25.00 juta daripada jumlah keseluruhan yang diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan dan Alam Sekitar yang berjumlah RM112.09 juta bagi tahun 2010. Selain daripada itu, peruntukan ini juga meliputi pembiayaan program yang dirancangkan di bawah Jabatan Hidupan Liar,

Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, pemberian kepada Lembaga Kebudayaan Sabah dan Pemberian kepada Taman-taman Sabah.

## **Pembangunan Industri**

Tuan Speaker,

54. Sektor Perindustrian sebagai pendokong Halatuju Kerajaan akan terus dipergiatkan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri melalui pasaran eksport barangan seperti minyak sawit mentah dan petroleum mentah. Nilai eksport pembuatan bertambah daripada RM2.6 billion tahun 2003 kepada RM4.3 billion dalam tahun 2008 dengan purata pertumbuhan tahunan 8.7 peratus. Menyedari bahawa pelaburan dalam industri ini mempunyai potensi besar dalam meningkatkan nilai tambah tinggi, kerajaan akan terus mengiktiraf penggiat utama industri seperti *Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP)* dan *Palm Oil Industrial Cluster (POIC)* di mana setakat ini POIC berhasil menarik pelaburan bernilai RM1.80 bilion daripada 24 pelabur tempatan dan asing dalam bidang biodiesel, pemprosesan kelapa sawit, baja, tenaga dan logistik. Melalui misi perdagangan dan pelaburan ke Port of Sohar di Oman dan Port of Rotterdam di Holland yang telah saya ketuai baru-baru ini telah menambah peluang pasaran untuk eksport produk minyak sawit dan produk hasil sawit yang lain. Berikutan ini, '*A Framework of Agreement*' ke atas usahasama ( *joint venture* ) antara Port of Rotterdam dan POIC Sdn.Bhd telah

ditandatangani pada 29 Oktober 2009 di Rotterdam. Program galakkan pelaburan dalam industri pembuatan melibatkan IKS Sabah termasuk juga '*Sabah International Exhibition (SIE)*', '*Borneo International Trade Fair (BITF)*' dan '*Buy Sabah-Made Product Expo*' akan terus diperhebatkan. Di samping itu, pembangunan IKS akan dibantu melalui program '*Technology-oriented Industry in Sabah*' yang bertujuan membangunkan industri baru dan menambah nilai tinggi kepada industri sedia ada. Oleh yang demikian, sejumlah RM136.64 juta disediakan pada tahun hadapan untuk pembangunan sektor industri pada keseluruhannya. Sebanyak RM20.00 juta diperuntukkan sebagai tanda sokongan kerajaan ke atas perkembangan industri kelapa sawit pada keseluruhannya di samping itu, sejumlah RM20.00 juta lagi adalah untuk membiayai pembesaran kawasan tapak POIC Lahad Datu. Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM34.00 juta untuk pelaburan ekuiti kepada kedua-dua penggiat utama industri ini, di mana KKIP Sdn.Bhd dan POIC Sdn.Bhd masing-masing menerima sebanyak RM30.00 juta dan RM4.00 juta pada tahun hadapan.

## **Pembangunan Belia Dan Sukan**

Tuan Speaker,

55. Menyedari hakikat bahawa 44 peratus atau 1.36 juta orang daripada penduduk negeri Sabah yang seramai 3.1 juta orang adalah golongan belia, maka golongan ini merupakan modal insan yang harus diberikan bimbingan dan tanggungjawab bagi maksud melahirkan generasi yang

produktif dan berkualiti, selaras dengan Misi Nasional melahirkan generasi muda yang sihat, cerdas dan berinovasi dengan minda kelas pertama. Negeri ini terbilang dalam melahirkan atlet-atlet cemerlang dalam beberapa bidang sukan dengan mencatatkan beberapa rekod di peringkat nasional dan antarabangsa telah pernah dicatatkan. Potensi dalam bidang sukan akan terus dibangunkan dengan penyediaan beberapa kompleks sukan dan kelab-kelab belia untuk mereka menjalankan aktiviti serta latihan teknikal. Selain itu, tumpuan juga diberikan untuk menyediakan program kepegawaian dan kejurulatihan untuk melahirkan jurulatih yang berwibawa yang mampu mengangkat martabat sukan negeri ini. Di samping itu, melalui acara-acara kesukanan seperti SUKMA dan Sukan SEA, ia dapat memupuk semangat muhibbah dan persahabatan di antara negeri Sabah dengan negeri-negeri dan negara-negara lain. Mengambil kira peranan bidang ini, Kementerian Belia dan Sukan diberikan peruntukan sejumlah RM 64.66 juta di mana sejumlah RM23.83 juta untuk penyiapan beberapa kompleks sukan di Ranau, Beaufort, Kota Belud, Tenom dan Sipitang serta kelab-kelab belia di Kudat, Kota Marudu dan Beaufort.

## Menyediakan Perkhidmatan Mesra Kuasa Tempatan

Tuan Speaker,

56. Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam penyampaian perkhidmatan telah menjadi semakin penting dalam mendokong ekonomi berorientasikan pasaran kerana kepekaan orang awam untuk mendapatkan perkhidmatan berkualiti dan kepantasan membuat keputusan yang berkaitan urusan-urusan persendirian dan perniagaan. Ke arah mewujudkan iklim mesra perniagaan pihak berkuasa tempatan hendaklah memudahkan pendaftaran dan mempercepatkan pengeluaran atau kelulusan Pelan Pembangunan, sebagai contoh. Pengindahan bandar melalui projek-projek lanskap, penyediaan prasarana dan pengurusan sistem pengangkutan awam serta penjagaan kebersihan melalui kempen-kempen dan pengurusan sisa pepejal akan meningkatkan imej yang baik negeri ini khasnya kepada penduduk luar. Sebagai barisan hadapan (*front-liners*), kerajaan akan sentiasa mencari jalan membantu mengukuhkan kemampuan kewangan mereka. Untuk ini semua tunggakan hutang PBT selama ini sejumlah RM44.30 juta akan ditukar kepada pemberian (*grant*) secara berperingkat mulai tahun hadapan. Di samping itu saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana buat pertama kalinya memberikan geran tahunan persekutuan untuk semua PBT Sabah yang berjumlah RM34.56 juta bermula tahun hadapan untuk perbelanjaan mengurus. Selanjutnya sejumlah RM151.06 juta peruntukan negeri akan

disediakan di bawah pengendalian Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan PBT. Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) yang ditubuhkan khas untuk menyediakan perumahan mampu milik dan juga program penyewaan rumah untuk golongan berpendapatan rendah dijangka dapat membantu menangani masalah setinggan serta masalah sosial yang lain, untuk maksud ini sejumlah RM26.44 juta disediakan tahun hadapan.

### **Mempergiatkan Agensi Awam**

Tuan Speaker,

57. Dengan hakikat bahawa agensi awam negeri terus berperanan dalam melaksanakan dasar kerajaan, maka mereka akan dipastikan terus relevan melibatkan diri dalam pembangunan sektor sosio-ekonomi mahupun sektor komersial yang berpotensi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan. Walaupun begitu peranan mereka akan diperkasakan menerusi Kod Tadbir Urus Korporat Negeri (*State Code of Corporate Governance*), yang dapat meningkatkan keberkesanan prestasi Ahli Lembaga dan pihak pengurusan di samping mengurus sumber kewangan dan aset mereka ke tahap yang lebih produktif dan menguntungkan.

58. Oleh yang demikian, Kerajaan akan mengkaji untuk membina semula kapasiti agensi-agensi ini dari semasa ke semasa agar mereka dapat

memikul tanggungjawab sebagaimana tujuan mereka diwujudkan. Di sebaliknya mereka hendaklah terus berinovatif dalam melakukan ekseseis penstrukturan semula dan menyemak semula kos operasi serta meningkatkan produktiviti. Kerajaan negeri akan terus membantu mengukuhkan kedudukan kewangan mereka bermula dengan menstruktur semula tunggakan hutang agensi selama ini. Dalam usaha ini, sejumlah RM192.74 juta telahpun dikenalpasti untuk diselaraskan secara berperingkat-peringkat melalui hapuskira pinjaman dan pertukaran kepada geran atau ekuiti. Dalam tahun 2010, sejumlah RM40.50 juta telah diperuntukkan bagi maksud ini. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan terus memberikan sumbangan berjumlah RM93.40 juta kepada tujuh buah agensi selain agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk menjalankan pengurusan dan perkhidmatan mereka.

Tuan Speaker,

59. Di sini saya ingin mengucapkan syabas kepada agensi-agensi kerajaan yang telah berdikari dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan juga berupaya membayar dividen berjumlah RM174.50 juta pada tahun ini kepada kerajaan seperti Sawit Kinabalu Sdn.Bhd, Sabah Development Bank Bhd. Lembaga Pelabuhan Sabah, Perbadanan Pinjaman Sabah, Warisan Harta Sabah Sdn.Bhd, Sabah Energy Corporation Sdn.Bhd, KKIP Sdn.Bhd, Progressive Insurance Bhd. dan Borneo Housing Mortgage and Finance Sdn.Bhd.

## **Program Mikro Kredit**

Tuan Speaker,

60. Program pembiayaan mikro kredit oleh Yayasan Usaha Maju (YUM) telah banyak menyumbangkan bagi meningkatkan lagi taraf hidup golongan miskin melalui pinjaman mudah di mana 98 peratus peminjamnya adalah dari kaum wanita. Untuk memperluaskan kemudahan perkhidmatan seperti ini, program mikro kredit Ar-Rahnu akan diperkenalkan. Ianya akan dikendalikan oleh Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS). Skim Ar-Rahnu merupakan perkhidmatan Pajak Gadai Islam yang berlandaskan kepada Syariah, yang tidak berasaskan riba (tanpa faedah atau bunga) dengan penggunaan emas sebagai cagaran. Program ini akan ditawarkan kepada semua yang layak tanpa mengira bangsa dan agama. Untuk itu, modal pinjaman sebanyak RM3.50 juta sebagai permulaan akan disediakan pada tahun hadapan.

## Penutup

Tuan Speaker,

61. Dasar Kewangan Negeri yang berasaskan kepada pengurusan sumber serta perbelanjaan berhemah yang diamalkan selama ini telah menjadi tunggak kekuatan kewangan negeri. Kerajaan Barisan Nasional adalah komited untuk menunaikan janji-janjinya bagi memastikan rakyat di negeri ini tidak ketinggalan dalam arus pembangunan. Kedudukan kewangan negeri yang kukuh membolehkan kerajaan menjalankan tanggungjawabnya seperti mana yang direncanakan dengan lebih bermakna, dan pada masa yang sama dapat menyelesaikan komitmen lalu yang membebankan. Alhamdulillah, ekonomi negeri yang banyak bergantung kepada eksport terus stabil dengan harga pasaran komoditi-komoditi utama negeri iaitu minyak sawit mentah dan royalti petroleum, berada di paras yang selesa walaupun berhadapan dengan pengurangan hasil yang mendadak daripada sumber hutan demi untuk kejayaan masa hadapan Dasar Pengurusan Hutan Secara Mapan (*Sustainable Forest Management*) dan juga untuk generasi akan datang. Kedudukan wang tunai negeri masakini adalah berada di paras tertinggi yang pernah dialami. Kedudukan kewangan kerajaan negeri yang kukuh dapat turut memperkasakan peranan semua kementerian, jabatan negeri serta agensi-agensi awam negeri mahupun NGOs dalam menunaikan tanggungjawab masing-masing demi membawa impak ekonomi dan sosial yang meluas lagi berkesan sebagaimana diharapkan.

Tuan Speaker,

62. Kerajaan prihatin dengan komitmen yang telah ditunjukkan oleh anggota perkhidmatan awam selama ini dan telah pun berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan melalui kaedah dan pengetahuan berasaskan inovasi untuk menyahut cabaran di hadapan. Pada hemat saya, adalah tidak wajar jika Bayaran Khas berjumlah RM500.00 yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kepada anggota perkhidmatan awam persekutuan tidak dipanjangkan kepada anggota perkhidmatan awam negeri ini. Oleh yang demikian, sebagai menghargai sumbangan mereka dalam menjalankan jentera pentadbiran kerajaan dengan penuh dedikasi, sukacita saya mengumumkan Bayaran Khas sebanyak RM500.00 juga diberikan kepada semua anggota perkhidmatan awam negeri dalam gred kumpulan sokongan hingga gred 54, yang akan dibayar pada tahun ini. Sebagai tambahan, saya juga mencadangkan agar had kelayakan maksima skim kemudahan pinjaman kenderaan untuk pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam Negeri Sabah disemak semula dengan kenaikan 50 peratus daripada kadar sekarang untuk semua jenis kenderaan yang diluluskan. Saya berharap anggota perkhidmatan awam akan mendapat manfaat daripada penyemakan kadar ini dan akan terus menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang.

63. Kurniaan sumber kekayaan negeri ditambah lagi dengan kestabilan politik, kemakmuran sosial dan ekonomi yang dinikmati selama ini membolehkan hasil pembangunan terus dimanfaatkan oleh segenap lapisan rakyat lebih-lebih lagi kita sedang melancarkan jihad untuk membasmi kemiskinan khususnya dalam kalangan rakyat di luar bandar. Komitmen tinggi para pemimpin negeri dan persekutuan terhadap kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan program-program pembangunan akan membantu mempercepatkan lagi pencapaian kemajuan negeri ini dalam pelbagai bidang. Oleh itu, saya menyeru agar semangat kerjasama dan koordinasi antara para pegawai dan jentera pentadbiran awam di peringkat negeri dan persekutuan hendaklah dimantapkan dan dipertingkatkan lagi untuk memastikan rakyat terus mendapat pembelaan menerusi pelaksanaan agenda pembangunan yang berprestasi tinggi seiring dengan gagasan '1 Malaysia, Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan'.

64. Kerajaan Barisan Nasional Negeri adalah kerajaan pilihan rakyat. Rakyat menaruh harapan tinggi pada kerajaan yang mereka pilih ini. Sebagai balasan, kita sentiasa mengutamakan rakyat dalam setiap perancangan pembangunan yang hendak dilaksanakan. Apa yang penting, kerajaan BN Sabah mampu memberikan pembangunan kepada rakyat, sebagaimana yang rakyat perlukan. Umpama bidalan, "***ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras***". Hari ini, kita di Sabah berupaya membawa perubahan dan kemajuan kepada rakyat dan negeri hasil daripada kestabilan politik dan ekonomi yang kita perjuangkan selama ini. Kepelbagaian bangsa dan suku kaum di Sabah bukan penghalang

untuk kita bersatu dan mara ke hadapan bagi memenuhi cita-cita untuk menjadikan negeri Sabah yang maju dan makmur. “**Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat**”, itulah rahsia pencapaian dan kejayaan kerajaan Barisan Nasional selama ini.

65. Dahulu negeri kita disegani, kerana kekayaan sumber alamnya. Dahulu juga kita dihormati, kerana nama-nama besar pemimpin yang kita miliki. Hari ini kita ingin mengekalkan kedudukan yang tinggi itu dengan menjadikan Sabah bukan sahaja terkenal di persada negara, malah di persada dunia juga. Kekayaan alam flora dan fauna yang kita warisi dan keindahan alam semulajadi yang Tuhan anugerahkan pada bumi yang bertuah ini, akan kita pelihara dan manfaatkan sepenuhnya agar dapat dinikmati oleh semua, sama ada rakyat Malaysia atau warga dunia seluruhnya. Sesungguhnya, hasrat meletakkan Sabah sebagai pusat pelancongan bertaraf dunia dan matlamat menjadikan negeri ini sebagai pilihan para pelabur dalam dan luar negara, ditambah lagi dengan hasrat untuk menjadikan Sabah antara negeri termaju di Malaysia, bukanlah sekadar impian semata-mata. Transformasi menyeluruh yang kita ingin lakukan di Sabah ini adalah proses berterusan yang sedang rancak kita usahakan. Transformasi ini akan lebih diperhebatkan dengan pelaksanaan RMKe-10, menjelang 2011 nanti.

66. Justeru, kesetiaan dan sokongan padu rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional negeri tetap kita hargai melalui rancangan-rancangan pembangunan yang kita terjemahkan sebagaimana yang terkandung dalam Bajet 2010 ini. Dengan matlamat untuk mengekalkan kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan, demi anak bangsa dan generasi akan datang, saya percaya negeri Sabah akan mampu kita bangun secara terancang dan sistematik, agar rakyat seluruhnya dapat mengecapi arus pembangunan dengan aman, damai, penuh keyakinan, selamat dan sejahtera sepanjang masa.

*Negeri Sabah sudah terkenal*

*Buminya indah menawan hati*

*Betapa prihatin Kerajaan Barisan Nasional*

*Kepada rakyat kita berbakti*

Tuan Speaker,

Saya mohon mencadangkan.